

Isu dibahas perwakilan tidak melampau: PM

Presiden tegaskan tiada berlaku ketegangan kaum, agama

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, semalam menegaskan tidak berlaku ketegangan antara kaum dan agama di negara ini.

Bagaimanapun, Presiden Umno itu mengingatkan rakyat supaya mengawal diri dan mematuhi undang-undang bagi mengelak keadaan mencapai ke tahap tertentu yang mungkin sukar dikawal lagi.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menghadiri Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) ketika diminta mengulas laporan akhbar *International Herald Tribune* yang memutarbelitkan ucapan dasarnya, kelmarin.

Dalam Ucapan Dasar Presiden pada perhimpunan agung itu, Abdullah berkata: "Akhir-akhir ini kita menyaksikan peningkatan polemik berhubung isu kaum dan agama."

Bagaimanapun, akhbar *International Herald Tribune* dalam laporan disiarkan dalam laman webnya antara lain menyebut "ketegangan hubungan antara kumpulan agama dan kaum di negara ini mencapai tahap yang 'membimbangkan'."

Mengulas lanjut, Perdana Menteri

berkata: "Pada saya belum sampai ke tahap membimbangkan tetapi sudah tiba masanya mengingatkan orang ramai, untuk menegaskan peraturan dan itulah sebenarnya saya katakan."

"Jika ia sudah mencapai tahap seperti dikatakan itu, sudah tentulah lebih sukar untuk mengawalinya pada masa itu," katanya.

Abdullah juga berkata, perwakilan Umno terpaksa menyentuh beberapa isu yang mungkin dianggap sensitif oleh sesetengah pihak, termasuk berbaur perkauman, kerana ia membatik hak mereka.

Beliau yang berpuas hati dengan perbincangan setakat semalam berkata, isu disuarakan perwakilan setakat ini boleh diterima dan tidak melampau batas.

"Tinggal sehari saja lagi. Mereka menyuarakan pandangan berbeza. Saya tahu ada yang agak keras terhadap isu tertentu. Tetapi sepanjang yang saya dengar, mereka masih dalam had batasan yang dibenarkan."

"Saya harap esok (hari ini), pembahas terus mematuhi had batas berkenaan. Mereka menyuarakan pandangan membatik hak mereka."

"Saya harap selepas ini, kita tidak akan terpaksa melalui suasana 'tidak

gembira' seperti selepas apa yang berlaku baru-baru ini," katanya ketika ditanya sama ada senario MCA mengkritik Umno dan Umno mengkritik MCA pada perhimpunan masing-masing menandakan hubungan antara parti komponen Barisan Nasional (BN) ini sudah tidak relevan.

Abdullah berkata, Umno dan MCA masih rakan baik dan sebagai rakan baik kedua-duanya harus bersikap jujur untuk berbincang mengenai perbezaan pandangan dan kebimbangan mengenai pelbagai perkara.

Ditanya sama ada kritikan keras terhadap pemimpin parti komponen lain, khususnya wakil Pemuda Umno, berpunca daripada sikapnya yang memberi terlalu banyak kebebasan, beliau berkata:

"Saya tak tahu sama ada saya memberi terlalu banyak ruang kebebasan tetapi orang yang meluaskan ruang untuk diskusi atas nama demokrasi."

Menjawab soalan wakil media bukan Melayu mengenai penggunaan perkataan orang Melayu sebagai 'tuan' di negara ini, beliau berkata, bukan Melayu pun dah tahu bahawa mana ada Melayu menjadi tuan.

"Kalau jadi tuan, semua jawatan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Pe-

ngurus Besar... diberi kepada Melayu. Itu barulah semua... segala-galanya Melayu tuan. Ia tak begitu.

"Itu hanya perasaan, tetapi jangan sampai ke peringkat nak hambat suhul pulang (kaum lain)... tak sampai macam itu," katanya.

Beliau juga berkata, rakyat perlu mengawal diri supaya jangan sampai ke peringkat bergaduh.

"Kalau setakat kita bercakap, tak apa. Jangan sampai bergaduh. Bila dah gaduh, itu susah. Anda perlu saling memahami antara satu sama lain. Ia bukan keadaan yang mudah."

"Bila jadi begini, tentu ada sebab mereka menyuarakannya... tentu ada sebabnya. Sebenarnya dalam Umno dah lama kita tak cakap soal tuan... dah lama dah. Ia timbul kali ini sebab dalam beberapa bulan sebelum ini ada beberapa perkara yang menjadi isu dan ini tentulah menimbulkan pelbagai reaksi."

"Kita perlu tangannya... kalau tidak mungkin akan berlaku keadaan tidak diinginkan. Ada kalanya persefahaman pendapat yang nampak ringan disusuli saling bertegang urat, seterusnya bercakaran. Kita tidak mahu ia berlaku. Kita kena berjaga-jaga," katanya.